

**Rakyat perlu bijak memilih
Utusan Online
11 April, 2012**

KUALA LUMPUR 10 April - Rakyat perlu bijak memilih kerajaan yang mampu memelihara keamanan serta kemakmuran masyarakat berbilang kaum, di samping berupaya memacu pembangunan negara pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pengarah Yayasan 1Malaysia, Dr. Chandra Muzaffar berkata, terdapat beberapa kriteria perlu diberi perhatian dalam memilih kerajaan yang akan diberi mandat mentadbir supaya negara terus mengecapi keamanan dan kemakmuran.

Katanya, kriteria-kriteria tersebut perlulah menjangkau kepelbagaian kaum di negara ini dan juga kesepaduan rakyat secara keseluruhannya.

"Secara dasarnya, pada ketika ini, wujud empat elemen yang memenuhi kriteria berkenaan iaitu Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Wawasan 2020 dan konsep 1Malaysia.

"Elemen-elemen ini juga yang telah diguna pakai oleh Barisan Nasional (BN) dalam mentadbir negara selama 54 tahun sejak merdeka dan ia mampu memastikan kemakmuran hidup rakyat berbilang kaum," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Chandra, ia berbeza dengan pembangkang yang jarang melihat keempat-empat elemen tersebut sebagai instrumen penting dalam memupuk perpaduan negara dan pembinaan negara bangsa.

"Pas sebelum ini terkenal dengan perjuangan negara Islam, memberi gambaran tidak baik dalam kalangan penganut agama lain di negara ini. DAP pula dengan perjuangan Malaysian Malaysia yang tidak diterima oleh majoriti orang Melayu

"Dalam pada itu, PKR lebih bersifat individu. Apa yang sama adalah ketiga-tiganya mahu ke Putrajaya," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm